

Kata Kunci:
Syukur
Nikmat
Kemudahan / Selesa
Agama



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

8 Ogos 2025 / 14 Safar 1447H

Tanah Air yang Baik, Tuhan yang Pengampun

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَ فِي الْإِيمَانِ رَاحَةً لِلْقُلُوبِ، وَفِي ذِكْرِ اللَّهِ فَرَجًا مِنَ الْكُرُوبِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ. قَالَ تَعَالَى فِي الْتَنْزِيلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. Taati segala perintah-Nya, dan jauhi segala larangan-Nya. Tanamkan sifat **syukur** dalam hati kita. Semoga dengan ini, Allah s.w.t. memberkati dan meluaskan lagi **nikmat**-Nya ke atas kita. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Saudara yang saya dikasihi,

Renungkan soalan berikut: Wajarkah kita, sebagai Muslim yang hidup dalam kemajuan dan suasana **aman**, menolak **keselesaan** hidup yang kita **nikmati** ini, semata-mata kerana ingin menjadi Muslim yang baik?

Untuk menjawab soalan ini, ayuh renungkan kisah kaum Saba' yang Allah ceritakan dalam Surah Saba', ayat 15:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَّا فِي مَسْكَنِهِمْ ءَايَةٌ جَنَّاتٍ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَاءٍ
كُلُّوْا مِنْ رِزْقٍ رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ وَبَلْدَةٌ طَيْبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ
15

Yang bermaksud: “Sesungguhnya, bagi kaum Saba' terdapat tanda (kebesaran Allah) pada kediaman mereka: Dua kebun (yang subur), satu di sebelah kanan dan satu di sebelah kiri. (Mereka diperintahkan:) ‘Makanlah dari rezeki Tuhanmu dan **bersyukurlah** kepada-Nya. (Negerimu ini adalah) negeri yang baik, (dan Tuhanmu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun.”

Saudara yang dikasihi sekalian,

Allah s.w.t. telah mengurniakan kaum **Saba'** negeri yang baik dan aman, dikelilingi kebun yang melimpahkan rezeki dan buah-buahan. Mereka hidup dalam **keselesaan**, malah dikurniakan banyak **kemudahan**. Di kala mereka **menikmati** semua ini, apakah perintah Allah terhadap mereka? Allah mengingatkan mereka tentang satu perkara – iaitu agar sentiasa **bersyukur**.

Namun, apakah kesudahan kaum Saba' ini? Dalam ayat-ayat yang berikut, Allah s.w.t menggambarkan bagaimana mereka telah mengabaikan perintah Allah untuk **bersyukur**. Maka, **keselesaan** dan **kemudahan** yang mereka **nikmati** bertukar menjadi musibah, tanah yang subur bertukar menjadi tandus,

kesenangan menjadi kesusahan, dan kemakmuran menjadi kesengsaraan.

Saudara yang dirahmati Allah,

Kisah umat terdahulu, seperti kisah kaum Saba' ini, pasti ada pengajarannya buat kita. Sama ada kita cakna atau sebaliknya, sehingga mungkin sahaja kita melakukan kesilapan yang sama.

Sebagai Muslim yang hidup dalam suasana yang **selesa** dan aman, serta **menikmati** pelbagai **kemudahan**, apakah yang boleh kita pelajari daripada kisah kaum Saba' ini?

Pengajaran pertama: Mengimbangi antara kemajuan duniawi dan tuntutan agama

Kisah kaum Saba' adalah satu peringatan jelas bahawa kemajuan dan **keselesaan** duniawi tidak sewajarnya menjauhkan kita daripada kewajipan **agama**.

Namun, kita juga tidak dituntut untuk mengorbankan kemajuan duniawi untuk menghidupkan **agama**. Lihat sahaja kisah Saba' tadi – Allah tidak memerintahkan mereka untuk menolak kemewahan dan **kemudahan** yang mereka **nikmati**. Mereka hanya dituntut supaya **bersyukur** – dengan menggunakan **nikmat** untuk tujuan kebaikan dan ketaatan, dan tidak melupakan siapakah Pemberinya.

Begitulah juga dengan kelebihan yang kita **nikmati**. Kita seharusnya dapat menguruskan pelbagai **kemudahan** yang Allah kurniakan ke arah kebaikan.

Pengajaran kedua: Berusaha memelihara kelebihan yang kita nikmati

Bersyukur bermakna kita menghargai setiap kurniaan Allah. Usaha dan kerja keras yang berterusan, daripada setiap lapisan masyarakat, adalah perlu untuk memelihara **nikmat** yang Allah berikan. Usah lakukan kesilapan kaum Saba', yang meminta supaya **kemudahan** hidup ditarik balik, disebabkan sikap memandang remeh dan bosan terhadap **nikmat** Allah. Seorang Muslim yang **bersyukur** akan berusaha mengekalkan **nikmat** dan kebaikan, demi umat dan generasi akan datang.

Jemaah yang dikasihi Allah,

Marilah kita mengingatkan diri untuk sentiasa **bersyukur** atas setiap kurniaan Allah, melalui usaha bersama yang berterusan. Semoga dengan kesedaran ini, kita dapat mencapai gagasan:

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

Yakni: “*Negeri yang baik, dan Tuhan yang Maha Pengampun*”, seperti yang disebut dalam Al-Quran. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمْرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرْ.

أَلَا صَلَوَا وَسَلَمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمْرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلُّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَأَرْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ سَادَاتِنَا أَيْ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنَّا مَعْهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْزَّلَازِلَ وَالْمِحَنَّ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنْ بَلْدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي غَزَّةِ وَفِي فِلِسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالسَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ

لِلْعَالَمِ كُلِّهِ وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.